

Percutian Famili Bandar di Malaysia: Mengimbas Amalan Era British hingga akhir 1960an

Urban Family Vacation in Malaysia: Tracking Practices from British era to Late 1960s

A. HABIBAH & J. HAMZAH

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menyorot pola percutian famili yang berlaku di Malaysia pada era British sehinggalah pada akhir tahun 1960an. Berdasarkan penelitian kandungan ke atas makalah-makalah yang ditulis oleh sejarawan dan kegiatan perjalanan domestik dalam negara pada ketika itu, dapatan kajian ini menyerlahkan beberapa pola yang menjadi asas kepada kegiatan dan amalan percutian famili. Pola utama yang mengarah kepada kegiatan yang menyerupai amalan pihak kolonial dan meniru percutian famili dari negara maju bukan sesuatu yang baru dalam amalan perjalanan domestik di negara ini. Malah dicadangkan agar strategi pelancongan nostalgia ini dipromosikan dengan lebih hebat lagi sebagai satu alternatif yang memberikan rejuvenasi kepada aktiviti percutian famili di negara ini, baik dalam kalangan pelancong tempatan, mahupun pelancong antarabangsa.

Kata kunci: Percutian famili bandar; balik kampung; percutian berasaskan alam semula jadi; famili aristocrat; famili massa

ABSTRACT

This article analyses the pattern of family vacation in Malaysia during the British era until late 1960s. A content analysis was utilised to comprehend the family vacation pattern, and several sources of data were derived from historical writings, domestic travelers narratives and tourism researchers pertaining to the families' recreational activities. The findings highlighted the domination of the family vacation patterns and more important, these patterns resemble and imitate the colonial practices. These findings show evidence that tourism activities took place in the earlier part of the domestication of tourism in the country, not as what often mentioned that it was only in the early 1970s that tourism has been emphasized in the Malaysian development scenario. It is suggested that the nostalgic strategic tourism promotion be enhanced as an alternative of rejuvenating family tourism activities to the country, both to the domestic and international tourists.

Keywords: Urban family vacation; balik kampung; nature-based vacation; aristocratic family; mass family

PENGENALAN

Percutian famili adalah salah satu kegiatan pelancongan yang telah lama sebatu dalam peradaban penduduk di negara-negara maju. Amalan ini membentuk sebahagian besar pola perjalanan tradisi penduduk dan famili di negara maju. Beberapa sarjana menjelaskan sebahagian besarnya mengunjungi tanah tinggi, pelancongan luar bandar dan memiliki rumah kedua, yang merupakan tradisi awal percutian famili. Sementara itu, dalam konteks masa kini, penganalisis tren global pula menekankan kembali peri pentingnya percutian famili sebagai jaminan pasaran pelancongan.

Percutian famili didefinisikan sebagai aktiviti melawat ke sesuatu destinasi atas alasan berhibur, beriadah dalam tempoh kunjungan sekurang-kurangnya 24 jam atau sehari, dan bukan bertujuan untuk memperoleh pendapatan oleh sebuah famili

atau semua ahli dalam sesebuah famili. Pada asasnya percutian famili bermaksud melawat ke destinasi untuk tujuan riadah dalam tempoh sekurang-kurangnya 24 jam atau bermalam, bersama anggota sebuah famili atau sebahagian daripada ahli mereka. Sementara itu, daripada segi karya pustaka, percutian famili telah mengalami evolusi yang secara jelas menunjukkan pola yang pelbagai (Habibah 2007). Sehingga kini, terdapat tiga teras utama dalam kajian percutian famili. Kajian era 1950-an, 1960-an, 1970-an dan 1980-an menonjolkan isu-isu yang berkaitan dengan proses buat keputusan, kepuasan, pola percutian dan hubung kaitannya dengan struktur dan fungsian famili, terutama jenis famili, kitaran-hayat, peranan dan status ahli mengikut gender (Wells & Gubar 1966; Jenkins 1978; Consenza & Davis 1978; Murphy & Staples 1979; Crompton 1979; Nichols & Spinenger 1988). Sementara kajian era 1990-an pula tertumpu kepada perkaitan percutian famili dengan

kedinamikan kedua-dua institusi famili dan sistem pengeluaran (pelancongan). Ini termasuk jaringan sosial, masa, kehampiran dan akses destinasi dengan kediaman serta penyediaan kemudahan pelancongan (termasuk lebuhraya, mod pengangkutan dan produk pelancongan) (Lawson 1991; Fodness 1992; Madrigal 1993; Giuliano 1997; Zalatan 1996; Dadgostar & Isotalo 1992; Giterson & Kerstetter 1994; Cohen & Harris 1998; Roehl et al. 1993; Milman 1991).

Kajian kontemporari pula tertumpu untuk keupayaan aktiviti ini menjana faedah ekonomi, sosial, politik, kualiti hidup, pembangunan wilayah dan ketibaan pelancong antarabangsa, intra-wilayah serta pelancong domestik (Seaton & Tagg 1995; Jansen-Verbeke 1995; Seaton & Palmer 1997; Jie Wen 1998; Vasiliadis & Kobotis 1999; Moscardo et al. 2000; Gilbert & Junaida 2002, 2004; Bo Hu & Morrison 1995). Kajian-kajian berkait dengan jenis percutian, pengaruh rutin harian, proses buat keputusan dan peranan kanak-kanak dalam percutian terancang masih mendapat perhatian para sarjana (Soo & Hsu 2002; Wang et al. 2004; Bargemann & Hugo 2006; Decrop & Snelders 2005). Berdasarkan karya-karya ini, perkaitan amalan percutian famili dengan masa silam telah diberikan penekanan.

Di Malaysia, percutian famili telah lama wujud sebagai salah satu aktiviti dalam sektor pelancongan domestik di Malaysia. Berdasarkan tulisan hasil pentadbir British, aktiviti ini dianggap suatu aktiviti sosial yang dilakukan oleh segelintir penduduk berkeluarga sahaja. Aktiviti ini kemudiannya giat diteruskan oleh sebahagian besar famili (secara langsung dan tidak langsung) sehingga menghasilkan satu pola pelancongan yang ketara. Namun sehingga kini, belum ada kajian dan tulisan yang komprehensif dilakukan ke atas perkara ini (Habibah 2007). Sehubungan itu, makalah ini ditulis untuk memerihalkan evolusi percutian famili di negara ini, bermula dari era pemerintahan British iaitu semenjak tahun 1880-an sehingga era 1960-an.

ERA BRITISH SEHINGGA 1957: PERCUTIAN FAMILI SEBAGAI AKTIVITI SOSIAL

Pada era ini, aktiviti percutian famili begitu terhad dan hanya segelintir famili pentadbir British dan famili tempatan, iaitu elit pemerintah Melayu dan golongan di raja Melayu merupakan penggiat utama aktiviti ini. Aktiviti ini menampilkan pengaruh gaya hidup famili Barat dengan segala aktiviti seolah-olah mesti mendapat 'sentuhan' penggiat dan pengalaman dari negara asal. Ini terserlah dalam penyediaan kemudahan destinasi, penginapan dan riadah, seperti ditegaskan oleh Isabellla Bird (1883) - suatu 'gaya hidup mewah di bandar atau di tempat mereka mentadbir turut dinikmati di destinasi tumpuan. Sementara itu, Ng & Tate (1989: 4) telah memperhalusi kehidupan senang-lenang orang Inggeris dalam zaman kolonial seperti berikut:

...dalam gambar sepasang suami isteri Eropah ini yang sedang menikmati keindahan alam yang nyaman dan terasing di Bukit Bendera. Tidak boleh dinafikan pegawai kolonial, tuan punya ladang, ahli-ahli perniagaan dan lain-lain mencari rezeki di Tanah Melayu pada masa itu hidup dalam keadaan serba mewah – gaji yang lumayan, rumah kediaman yang besar lagi selesa, pembantu rumah yang ramai, berbagai-bagai keistimewaan dan bermacam-macam bentuk kemudahan. Inilah ganjaran bagi mereka yang sanggup sunyi sepi seorang diri jauh dari tanah tumpah darah dan bersedia memikul tanggungjawab yang besar dan bebanan kerja yang berat... Dalam masa yang sama, mereka mengambil angin petang, bermain golf sementara di sebelah malamnya mengadakan minum petang atau jamuan makan malam. Anak-anak kecil dijaja amah tempatan tanpa sebarang kesulitan.

Sekali imbas, aktiviti ini tidak banyak menggunakan kemudahan dan perkhidmatan. Namun, jika diamati kemudahan-kemudahan yang dibangunkan pihak Inggeris di beberapa destinasi terpilih, seperti mod pengangkutan, destinasi dan tempat penginapan, aktiviti ini sebenarnya memerlukan sokongan hampir keseluruhan sistem perkhidmatan ketika itu. Ini termasuk sistem perbandaran, pengangkutan, hotel dan tarikan percutian itu sendiri.

Dalam kalangan famili Inggeris, penginapan merupakan keperluan utama ketika bercuti di luar daerah (kebanyakannya datang dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan pusat-pusat pentadbiran negeri). Mereka menuntut kemudahan setaraf gaya hidup di negara asal ataupun setaraf kemudahan di bandar yang mereka diami atau bekerja. Pembangunan kawasan bermain golf, padang permainan, tempat menganjurkan temasya dan barbeku serta jalan raya memperlengkapkan lagi keperluan mereka. Malah, jika kemudahan amat terhad, mereka turut membawa segala keperluan makan-minum, pakaian dan amah (Butcher 1979).

Famili British melakukan 'perjalanan sementara' terutama bagi perjalanan yang relatifnya singkat dan destinasiya tidak jauh dari bandar. Kebiasaannya mereka bercuti pada hujung minggu, namun ada yang bercuti dalam jangka masa yang lebih panjang. Kelayakan cuti bergaji penuh selama 14 hari turut digunakan untuk melancong ke destinasi yang lebih jauh. Antara destinasi kunjungan termasuklah Brastagi di Utara Sumatera, Thailand, Sri Langka dan Hong Kong (Robequin 1964; Butcher 1979: 157-158). Melalui aktiviti ini, sebahagian besar famili membentuk satu 'komuniti sementara' atau penghuni *rumah kedua* di pelbagai destinasi dan negara. Kawasan peranginan tanah tinggi tempatan seperti Cameron Highlands, Bukit Fraser dan kawasan peranginan pantai seperti Port Dickson dan Batu Feringgi turut menjadi tumpuan mereka.

Sebagai satu aktiviti sosial, aktiviti ini bergantung kepada jaringan sosial yang kukuh. Jaringan ini bukan sahaja kuat dalam kalangan pentadbir berkeluarga tetapi juga dalam kalangan kenalan dan rakan sekerja yang bujang. Dengan kata lain, aktiviti ini tidak terbatas

kepada ahli keluarga terdekat sahaja. Sebaliknya, mereka bercuti secara berkumpulan, melibatkan gabungan lebih daripada sebuah famili asas dan rakan-rakan pentadbir bujang. Bagi keselesaan berkumpul, beberapa jenis dan saiz bilik turut disediakan di sesebuah destinasi.

Meskipun aktiviti ini tidak menjadi agenda penting dalam sistem politik dan ekonomi penjajah British, beberapa perkara pentadbiran turut menyinggung secara langsung aktiviti ini. Sebagaimana British mengamalkan dasar pemisahan penduduk mengikut etnik, pekerjaan, petempatan, politik ataupun secara hubungan kuasa antara golongan memerintah dengan diperintah, keadaan ini juga terserlah dalam aktiviti percutian dan beriadah. Pengasingan berlaku melalui beberapa mekanisme, misalnya melalui penubuhan rumah kelab di setiap negeri jajahan British yang seolah-olah melibatkan kenalan rapat sahaja. Kelab-kelab ini memperketatkan keanggotaan ahli, aktiviti dan ruang percutian ahlinya. Kelab Selangor, umpamanya dianggotai bangsa Eropah di Selangor sahaja. Bagaimanapun syarat ini telah dilonggarkan, di mana pada tahun 1891, hampir sebahagian besar penduduk lelaki Kuala Lumpur dan Selangor menganggotai kelab ini, dengan jumlah keahlian seramai 140 orang. Kelab Selangor menawarkan pelbagai aktiviti dan kemudahan masa senggang, tidak hanya digunakan semasa cuti sahaja, tetapi juga selepas waktu bekerja seperti ditulis Butcher (1979: 63) seperti berikut:

In the evening after work men gathered about the bar for a pahit or setengah or played billiards, while both men and women were able to keep in touch with Home by reading such newspapers and magazines as the Illustrated London News, Punch, Ally Sloper, Field, Lady, the weekly edition of the Times and Pall Mall Magazines. Accounts of the club's sporting activities mainly cricket and football...amateur dramatic performance were extremely popular especially locally written and directed shows.

Apabila sambutan semakin menggalakkan, beberapa kelab baru turut dibuka seperti Kelab Tasik, Selangor Gymkhana Club dan Kelab Perak (Gullick 1994). Dengan tertubuhnya lebih banyak kelab, aktiviti sosial yang pada mulanya terhad kepada pentadbir lelaki sahaja, kini terbuka kepada semua ahli keluarga. Berikutan itu, hampir kesemua aktiviti keluarga dilakukan di situ. Kemudahan juga semakin banyak, meliputi restoran, kolam renang dan salon untuk kegunaan lelaki dan wanita. Sehingga tahun 1937, jumlah ahli kelab telah mencecah 1,000 orang dan Kelab Selangor, Kelab Tasik serta Kelab Golf Selangor adalah merupakan tiga kelab paling popular ketika itu (Butcher 1979:63).

Seperti kebiasaannya, motif percutian famili adalah sama seperti motif pelancongan biasa, iaitu untuk menikmati suasana dan pemandangan indah dan 'lari daripada kesibukan tempat kerja' (Swettenham 1966). Banyak stesen bukit dan tanah tinggi dibuka bagi

memenuhi tuntutan ini dan kerap kali destinasi-destinasi ini dirujuk bersempena nama pusat peranginan terkenal di negara asal, seperti 'Riveria' dan 'Little England' (Lim 1978; Reed 1979; Purcell 1946).

Aktiviti ini juga menampakkan perbezaan dan pengasingan mengikut jantina dan status sosial, sama seperti di negara asal. Aktiviti percutian di tanah tinggi lebih kerap melibatkan kesemua anggota keluarga. Namun apabila golf menjadi tumpuan permainan, tidak syak lagi aktiviti ini memihak kepada riadah bagi golongan bapa ataupun lelaki. Sementara itu, aktiviti ibu dan ahli keluarga lain agak terhad. Para ibu lebih banyak melakukan aktiviti pasif, termasuk bermandi-manda di kolam renang dan memanjakan diri di spa. Mereka berkumpul sesama sendiri untuk bercerita, bergosip, mendapatkan berita politik dan gaya hidup negara asal termasuk perkembangan fesyen dan hiburan (Butcher 1979; Ng & Tate 1989). Pada ketika itu, urusan rumahtangga hampir tiada dan anak-anak diawasi oleh amah tempatan. Di samping itu, anak-anak juga diajar menunggang kuda dan bermain golf, sama seperti aktiviti riadah di negara asal.

Bagaimana pula dengan aktiviti famili-famili lain di Tanah Melayu pada ketika itu? Dua kumpulan utama dikenal pasti melakukan aktiviti ini secara tidak sengaja ataupun secara tidak langsung. Mereka terdiri daripada famili kaum Cina dan famili kaum Melayu, terutama golongan bangsawan dan kerabat di raja. Dengan mengunjungi saudara-mara dan rakan-rakan bagi tujuan sosial dan keagamaan, aktiviti percutian famili dilakukan tanpa sedar atau secara tidak langsung. Kebanyakan mereka bekerja dalam sektor ekonomi bandar dan perlombongan di pinggir bandar, justeru, aktiviti ini membentuk pergerakan yang tertumpu ke kawasan bandar dan pinggir bandar, terutama di petempatan kaum Cina.

Kelaziman mengunjungi rakan dan saudara-mara telah memperkembangkan lagi sektor penginapan di bandar-bandar utama. Pada tahun 1940-an, banyak rumah tumpangan dibangunkan. Rumah tumpangan ini bersifat dwifungsi, iaitu sebagai petempatan ahli keluarga ketika ada lawatan saudara dan rakan-rakan, dan sebagai sumber perniagaan (Gullick 1994). Ini bermakna inisiatif ini bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi kehendak senggang dan ruang pertemuan sosial informal, malah turut menjamin kelangsungan ekonomi kaum Cina. Pergerakan mereka memberi kesan langsung kepada pembangunan reruang bandar. Bandar-bandar utama menjadi titik pertemuan sosial, ekonomi dan politik kaum Cina. Golongan berada turut menubuhkan rumah kelab dan persatuan. Pada tahun 1907, sebuah rumah kelab ditubuhkan di Kuala Lumpur, dikenali sebagai Weld Hill Club, dan dikatakan mengenakan yuran paling tinggi (Butcher 1979: 84).

Pada ketika itu juga, terdapat tanggapan bahawa famili Melayu langsung tidak terlibat dalam aktiviti ini. Swettenham (1966) menegaskan pada tahap itu,

famili tidak memerlukan aktiviti sebegini kerana kegiatan senggang dan bersantai sudah menjadi lumrah kehidupan mereka. Hanya golongan diraja diperakui sebagai 'pengamal' aktiviti ini. Melalui keanggotaan rumah kelab terpilih, aktiviti percutian mempamerkan gaya hidup famili Inggeris. Bermain golf, polo dan menunggang kuda adalah antara aktiviti paling popular (Swettenham 1966; Wheeler 1928; Ng & Tate 1989). Perjalanan ke luar negara lebih bermotifkan agama, terutama untuk ibadah haji. Perjalanan ini agak kecil, malah tidak melibatkan semua ahli. Perincian siapa dan pola percutian famili yang berkembang pada masa tersebut ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Jadual 1.

SIAPA PENGGIATNYA: DARIPADA FAMILI KOLONIAL KEPADA FAMILI ARISTOKRAT

Pada peringkat ini, para penggiatnya terdiri daripada famili British, famili elit Melayu dan famili Cina. Famili Inggeris merupakan 'perintis' aktiviti ini. Dalam tempoh ini, ciri dan pola percutian turut dipengaruhi oleh fungsi dan struktur famili; meliputi jumlah, bentuk dan sosio-demografi. Berdasarkan tulisan Swettenham (1966), bilangan penduduk lelaki mengatasi bilangan penduduk wanita. Institusi famili tidak bersifat famili asas sepenuhnya ekoran sebahagian ahlinya terutama anak-anak, tidak tinggal bersama di Malaya. Kesunyian berenggang dengan anak-anak menyebabkan pasangan suami-isteri mencari alternatif untuk bersosial dan riadah sesama famili lain. Kesannya, aktiviti percutian dilakukan secara berkumpulan, sama ada bersama famili lain ataupun gabungan famili lain dengan golongan lelaki bujang.

Penganjuran percutian sebegini telah membentuk sebuah keakraban famili besar. Selain itu, institusi famili *patrilinial* yang berkembang di Eropah turut mempengaruhi aktiviti di sini. Aktiviti kaum bapa lebih menonjol dan mengatasi minat keseluruhan famili, termasuk isteri dan anak-anak. Ini terserlah dalam petikan berikut:

'... dengan mendiami banglo di kawasan peranginan pantai atau tanah tinggi secara beberapa keluarga bersama ahli keluarga yang lain, diiringi anak-anak dan pengasuh, percutian dipenuhi aktiviti bersiaran, bermain golf dan mengadakan jamuan (Ng & Tate 1989: 23).


Siapakah pula pencuti lain selain famili Inggeris? Dapatkah famili Melayu dan kaum lain melakukan aktiviti ini? Berdasarkan rekod sejarah, hanya segelintir sahaja famili Melayu melakukan aktiviti ini. Dalam kalangan famili Melayu, terdapat dua kategori utama, iaitu golongan aristokrat yang sering meniru gaya percutian famili British, dan kedua, golongan famili yang tinggal di bandar. Memandangkan aktiviti ini

tidak dianggap penjana faedah ekonomi, sosial dan kepentingan politik, kebanyakan perjalanan percutian golongan aristokrat tidak direkodkan. Malah, perjalanan pelancong domestik dianggap bukan aktiviti rasmi dalam pentadbiran negara. Menurut Swettenham (1966), sultan-sultan Melayu termasuk kerabat dan pentadbiran aristokrat Melayu turut melancong ke luar negara. Mereka bersenggang seumpama famili British, termasuk bermain golf, polo dan beristirehat di rumah kelab. Catatan perjalanan golongan ini dalam negeri atau ke kawasan luar bandar amat terbatas atau sengaja tidak dibesar-besarkan pihak kolonial (Stoney 1908; Wheeler 1928). Justeru segala aktiviti, pola dan citra percutian famili ketika ini mengekalkan sifat-sifat stereotaip dan memaparkan gaya hidup famili Barat.

Dalam kalangan famili massa, mereka turut membuat perjalanan bermotifkan sosial. Oleh kerana sebahagian besar famili Melayu tinggal di desa, perjalanan menziarahi keluarga dan saudara-mara lebih banyak melibatkan kunjungan ke desa. Kebanyakan mereka adalah petani, bekerja dalam sistem pekerjaan informal yang tidak memisahkan masa rehat dengan masa bekerja. Ini tidak memungkinkan munculnya suatu konsep senggang dalam sistem ekonomi dan kehidupan harian. Meskipun famili Melayu mengunjungi atau melawat saudara-mara dan sahabat handai, bagi pihak pentadbir British, mereka tidak wajar beristirehat di kawasan peranginan.

Bagi kaum Cina, aktiviti ini didokong oleh golongan elit pedagang dan pelombong tanpa mereka sedari. Aktiviti ini jauh berbeza daripada aktiviti famili British. Rata-rata hanya mengunjungi sanak-saudara dan rakan-rakan yang tinggal di bandar dan pada ketika musim perayaan, terutama Tahun Baru Cina. Sehingga 1900, kawasan bandar dipenuhi premis penginapan, (selain untuk perniagaan) juga dibina untuk tempat menginap dan berkumpul sanak-saudara. Melalui aktiviti ini, mereka merintis amalan melawat kawan dan saudara-mara. Untuk itu, famili kaum Cina merupakan 'pengamal' terawal aktiviti melawat saudara-mara dan rakan-rakan berbanding kaum-kaum lain.

Sama seperti famili British yang sensitif terhadap isu pengasingan mengikut pekerjaan dan status kekayaan, segelintir famili Cina yang kaya dan berkemampuan, peka terhadap perkara ini. Selain meniru gaya percutian famili British, penubuhan kelab sosial dan riadah menunjukkan betapa menebalnya pengasingan. Bagi famili India, perjalanan menziarahi saudara-mara dan rakan-rakan, tidak terserlah dalam tulisan sejarah British, kerana ketika itu, bilangan mereka terlalu kecil. Lebih ramai golongan lelaki India bekerja di estet-estet getah berbanding sektor kepolisan di bandar. Justeru perjalanan sementara untuk suatu aktiviti senggang bersama kaum keluarga amat minimum dalam kalangan kaum India.



RAJAH 1.1. Penggiat Percutian Famili Era Kolonial hingga 1957

JADUAL 1. Pola Percutian Era Kolonial hingga Tahun 1957

Pola Percutian	Siapa Penggiatnya	Jenis famili	Motif	Aktiviti	Kos Belanja	Jenis pengangkutan	Jangka Masa, Tempoh kunjungan	Jarak dari Origin	Sumber Promosi	Insentif kerajaan	Destinasi/ ruang utama
Pola Percutian Berorientasikan Tarikan Semula Jadi	Famili British, Famili Desa.	Famili asas, luasan.	Bersantai, berkelah nikmati tarikan semula jadi.	Pelbagai.	Sedikit.	Awam dan Sendiri.	Singkat, sehari atau 1-3 hari; Hujung minggu, musim cuti umum.	Jarak dekat	Hampir tiada secara tempatan.	Cuti umum; hujung minggu bergaji 14 hari bagi sektor awam.	Destinasi dekat tempat tinggal, luar bandar, tarikan semula jadi.
Pola Percutian 'Melawat Saudara-Mara dan Rakan-Rakan'	Famili British, Famili Cina.	Famili, sahabat handai.	Sosial dan keluarga.	Pelbagai dan multi-destinasi.	Variasi, sedikit - tinggi, motif, destinasi dan tempoh masa.	Awam dan Sendiri.	Lama; Musim perayaan.	Jarak dekat dan jauh.	Tiada.	Tidak ada.	Luar bandar.
Pola Percutian Mengikut Jaringan dan Sistem Bandar	Famili British, Famili Cina.	Famili dan sahabat handai	Sosial dan keluarga, perniagaan	Pelbagai mengikut tempoh percutian.	Tinggi pelbagai tujuan. Menginap hotel.	Awam, Sendiri dan gabungan.	Singkat; Bila-bila masa.	Jarak pelbagai.	Tiada.	Cuti umum, kemudahan bandar	Bandar dan pinggir bandar
Pola Percutian berasaskan Kegiatan Rekreasi Anjuran Pemerintah	Famili Melayu; Famili Cina, Famili India.	Famili asas dan luasan.	Integrasi antara kaum dan setempat.	Mono-destinasi & aktiviti	Tidak tinggi.	Awam dan Sendiri.	Singkat; Musim dan acara anjuran pemerintah.	Jarak dekat.	Ada, media.	Cuti umum; kemudahan bandar.	Bandar dan destinasi terpilih.

Sumber: Analisis kajian 2006.

POLA-POLA UTAMA PERCUTIAN FAMILI

Pola percutian famili ketika ini amat terhad, namun aktiviti masih pelbagai. Tanpa memisahkan penggiatnya; sama ada famili kolonial, famili Cina, famili Melayu atau famili-famili lain, beberapa pola utama terserlah dalam era ini. Pertama, pola percutian mengikut sumber dan tarikan semula jadi dan kedua, pola percutian ‘melawat saudara mara dan rakan-rakan’. Ketiga, pola mengikut jaringan perbandaran dan pengangkutan sementara pola keempat adalah percutian berasaskan kegiatan rekreasi anjuran pemerintah.

PERCUTIAN BERORIENTASIKAN TARIKAN SEMULA JADI

Salah satu pola yang mula menonjol dalam tempoh ini ialah pola percutian berasaskan tarikan semula jadi. Pola ini terbahagi dua iaitu satu, pola pergerakan famili ke kawasan tanah tinggi dan stesen bukit, sementara satu lagi ialah pola kunjungan ke kawasan peranginan pantai. Kedua-dua sumber ini diterokai sebagai ‘pengganti’ tarikan pelancongan di negara asal. Setiap destinasi cuba menonjolkan identiti tersendiri dan Rajah 4.2 menunjukkan beberapa lokasi utama tumpuan mereka.

Pola percutian ke tanah tinggi dikatakan selaras gaya hidup kolonial. Swettenham (1966) ada menyebut rumah-rumah kerajaan di Bukit Fraser dan Cameron Highlands dibina dengan ciri-ciri ‘Riveria di Italy’ dan nostalgia British atau Eropah. Mereka juga bertumpu ke Bukit Kutu dan Penang Hills. Pemilihan kawasan tanah tinggi ketika itu telah membolehkan mereka beristirahat dalam suasana persekitaran udara yang menyegarkan, dapat mengelak alahan panas terik bandar serta kesesakan bandar. Pola ini meletakkan asas pengasingan ruang percutian golongan elit dengan golongan massa.

Pola percutian berteraskan kehidupan damai desa seperti yang terdapat di England khususnya tarikan air panas turut terbentuk di sini. Kolam air panas Ayer Panas menjadi tumpuan apabila mereka bercuti ke Melaka. Sekalipun aktiviti ini memerlukan famili Inggeris berada di luar bandar atau dalam persekitaran kampung (yang kemudahan dan perkhidmatan asasnya serba-serbi kekurangan), pemisahan ruang dan aktiviti tetap berlaku. Mereka sukar menerima keadaan serba kekurangan, lantas, banyak keperluan moden dibangunkan. Dengan kata lain, tanpa mengira destinasi itu tarikan tanah tinggi atau pantai, kemudahan seperti penginapan, keperluan asas, dua bilik tidur, meja, kerusi seti, katil, alat dapur dan pungkah (kipas angin) disediakan.

Mereka juga berekreasi secara ‘balik hari’ di destinasi berhampiran tempat tinggal atau kediaman mereka. Gullick (1994) mendapati famili Inggeris pernah berkelah di Batu Caves sebelum menjadi tempat ‘suci’ kaum Hindu. Semasa cuti panjang, mereka menerokai kawasan semula jadi di pedalaman,

menjangkau kawasan Dusun Tua, kawasan air panas dan Bukit Fraser yang menawarkan suasana sejuk dan nyaman, seumpama suasana negara asal (Reed 1979). Aktiviti yang lebih mencabar seperti berkhemah dan mengembara hutan tropika bagaimanapun agak terhad. Aktiviti ini hanya popular dalam kalangan kaum lelaki atau kaum bapa, justeru anak-anak kecil dan ibu jarang bersama ketika ini. Pola percutian berorientasikan tarikan semula jadi di kawasan tanah tinggi dan pantai di kalangan famili Melayu dan famili etnik lain, tidak terserlah dalam tulisan pentadbir British. Mereka menganggap orang Melayu tidak mempunyai aktiviti senggang memandangkan kehidupan mereka sentiasa dalam keadaan ‘bersantai’ (Wilkinson 1925).

PERCUTIAN MELAWAT SAUDARA-MARA DAN RAKAN TAULAN

Satu lagi pola utama ketika ini ialah pola percutian yang bertujuan melawat saudara-mara dan rakan taulan. Bagi famili British, mereka adalah pendokong melawat saudara-mara dan rakan-rakan, salah satu motif utama aktiviti pelancongan. Seperti ilustrasi Isabella Bird (dalam Butcher 1979), perjalanan mereka bergantung kepada ikatan peribadi dan kenalan, dengan rumah kerajaan atau residen menjadi tempat persinggahan. Malahan, tempat penginapan, makan-minum dan keperluan lain tidak menjadi bebanan kerana sudah lumrah pihak tuan rumah menyediakannya.

Perkembangan pola ini juga berkait rapat dengan sistem pengangkutan. Pembinaan jalan keretapi pertama pada 1885 adalah titik permulaan bagi perkembangan pengangkutan moden di Tanah Melayu, juga membolehkan famili mengunjungi kawasan lain. Pada asalnya jalan keretapi dibina untuk kegunaan perusahaan melombong tetapi sistem ini telah membuka peluang dan meletakkan corak kemajuan negeri kemudiannya. Meskipun tulisan Ooi (1968) tidak menyentuh secara langsung perjalanan bermotifkan lawatan ataupun mengunjungi saudara-mara dan rakan-rakan sebenarnya merupakan satu bentuk aktiviti pelancongan domestik. Kesibukan perjalanan terungkap dalam petikan ‘... Keretapi-keretapi membawa penumpang-penumpang teramai di landasan utama menghubungi Singapura, Kuala Lumpur, Ipoh dan Perai’ (Ooi 1968: 379).

Bagaimana pula dengan pola percutian famili Cina? Ketarakah perbezaan tempat tinggal mereka. Dengan sebahagian besar penduduk Cina tinggal di bandar, perjalanan mereka agak berbeza. Mereka bergerak dari bandar ke bandar dan kawasan pinggir bandar. Pergerakan ini turut menyebabkan penawaran tempat penginapan naik mendadak. Sehingga 1910, banyak hotel bertaraf ekonomi didirikan bagi menampung keperluan aliran ini. Oleh kerana pengaruh kesukuan agak menebal, hampir kebanyakan aktiviti dilakukan secara kolektif. Dari segi tempoh masa, mereka

cenderung mengunjungi rakan-rakan ketika menyambut Tahun Baru dan acara keagamaan. Tidak seperti pola bertumpu bagi famili etnik Cina, pola melawat saudaramara famili Melayu bergerak dari desa ke desa dan dari bandar ke desa.

PERCUTIAN BANDAR

Satu lagi pola percutian ketika itu ialah pola percutian mengikut jaringan dan sistem perbandaran. Hal ini berkait rapat dengan beberapa dasar pembangunan, imej bandar, sistem pengangkutan dan perkhidmatan yang menyokong kegiatan ini secara langsung dan tidak langsung. Pada ketika itu juga imej bandar yang menjadi

tumpuan; Melaka, Pulau Pinang, Taiping dan Kuala Lumpur, dikaitkan dengan perspektif pelawat (Jadual 2). Melaka dikenali sebagai *the sleepy hollow* sementara Kuala Lumpur dianggap setanding Singapura, juga menawarkan pelbagai tarikan (Lim 1978). Sekurangnya melalui imej-imej ini, pengunjung dapat menjangkakan tarikan dan bertumpu ke destinasi tersebut. Pada masa itu, penumpuan aktiviti tidak dianggap satu ‘ancaman’ kepada penduduk, ekonomi, ruang fizikal bandar mahupun di luar bandar, justeru pembahagian antara etnik berlaku secara pasif.

Aktiviti ini berkembang seiring dengan kemantapan sistem pengangkutan di Tanah Melayu, yang diwujudkan untuk tujuan pentadbiran dan pemunggaan hasil

JADUAL 2. Bandar-bandar dalam Dimensi Destinasi Pelancongan Domestik

Bandar	Tarikan
Taiping	Taiping, dikenali sebagai <i>everlasting peace</i> , menjadi tumpuan penduduk etnik Cina dengan lebih 6,000 penduduk. Bandar ini pada siang harinya sunyi. Menjelang senja, jalan dan pusat perjudian penuh sesak, dan dialek China akan memecah kesunyian malam, orang Melayu hampir tiada di bandar ini (catatan Bird (1883) dalam Lim 1978:52). Sebagai ibu negeri, Taiping tumbuh dengan pesat sekali. ... <i>It was then a town with shaded streets, markets, a railway station, public buildings, barracks, prisons, a museum, hospitals, the dwellings of the European community, a church, school, hotels, and a bank</i> (Lim 1978: 52).
Kuala Lumpur	Menurut <i>Illustrated Guide</i> , Kuala Lumpur mempunyai padang lumba kuda terbaik, sebuah padang golf, sebuah padang polo, dua buah kelab, beberapa buah hotel, sebuah taman raya yang cantik, sebuah padang kriket dan bola sepak, jalan raya yang bagus, kedai-kedai yang baik, masyarakat Inggeris dan iklim yang sejuk. Ia mempunyai ciri-ciri baik seperti Singapura dan Pulau Pinang. Bagaimanapun, bandar ini sesak, berdebu, panas, bising, busuk dan kacau bilau.
Ipoh	Pasar dan rumah sembelihannya yang bagus, taman raya rakyat, stesen keretapi yang cantik berserta hotelnya, dewan bandaran, pejabat pos, taman rekreasi, rumah-rumah dan kedai yang rapi susunan adalah contoh yang paling baik tentang apa yang boleh dibuat di Malaya untuk membina sebuah bandar yang sihat dan dirancang dengan baik (Ng & Tate 1989: 124).
Melaka	Melaka pada zaman British dikenali sebagai ‘sleepy hollow’, semenjak akhir abad 19. Ramai penulis, pelawat, saudagar dan perancang telah mengunjungi destinasi ini. Mod pengangkutan bukan sahaja melalui jalan darat, tetapi juga melalui jalan laut yang disediakan oleh syarikat perkapalan kepunyaan pihak kapitalis seperti ‘The British India Line (1856), The Blue Funnel Line (1865), dan Rotterdam Llyod & Co (1870), yang merupakan agensi perkapalan yang memberikan kemudahan pengangkutan kepada ramai saudagar, pelawat dan pegawai kerajaan Inggeris dari satu pusat ke pusat yang lain. Di samping itu, kemudahan kapal api pesisiran memudahkan lawatan dan perjalanan saudagar dan pelancong dari merata tempat sekitar Selat Melaka. Kemudahan pengangkutan di bandar, kereta penumpang ‘carriage’ dan ‘buggy’ membawa pelawat ke merata tempat di bandar dan luar bandar.

ekonomi ekstraktif. Pada ketika sungai merupakan mod perjalanan utama, (sebelum tersedianya pengangkutan awam dan kenderaan persendirian), pola perjalanan turut dipengaruhi faktor ini. Sungai-sungai utama di setiap negeri telah menjadi titik tumpuan dan persinggahan. Kemudiannya, seiring dengan kewujudan kemudahan pengangkutan dan kenderaan persendirian, lawatan keluarga diraja pula lebih kerap dilakukan (Roff 1961; Swettenham 1966). Kunjungan mereka bagaimanapun terbatas ke destinasi dan bandar yang terjalin dalam rangkaian kemudahan ini, justeru ini menggalakkan pemisahan antara penduduk yang berkuasa dengan golongan massa. Malah dalam pengangkutan keretapi sekali pun, pemisahan ruang terus dikekalkan, terutama melalui pengasingan penumpang British dengan golongan lain. Ketika pemerintahan British, pengasingan antara kaum memang ketara dalam sistem pengangkutan kereta api. Ini melibatkan pengasingan tempat duduk bagi penumpang Inggeris, Cina dan golongan lain (Butcher 1979). Malah, berlaku perbezaan layanan antara penumpang wanita Inggeris berbanding penumpang lelaki etnik lain. Penumpang lelaki 'dipaksa' memberikan tempat duduk kepada penumpang wanita Inggeris. Ini menunjukkan selain pengasingan antara etnik dalam penyediaan kemudahan awam, wujud pengasingan antara wanita dan lelaki.

Pada ketika itu juga percutian famili dipengaruhi oleh penawaran penginapan, satu lagi aspek ekonomi bandar. Menurut Butcher (1979), pembinaan hotel lebih banyak tertumpu di bandar. Dengan pembukaan Hotel Empire pada tahun 1909 dan Hotel Stesyen pada 1914, Kuala Lumpur telah menjadi destinasi paling selesa kepada pelawatnya. Kemudahan ini mengutamakan golongan aristokrat British berbanding aristokrat diraja ketika itu. Ketika lawatan Ngah Ibrahim dan rakan-rakannya ke Melaka, mereka sekadar menumpang di rumah rakan dan saudara-mara meskipun ketika itu ada Stadthuys dan hotel bandar (Swettenham 1966).

Di samping itu, pola percutian famili British, Cina dan elit Melayu juga bertumpu ke destinasi tertentu. Perkara ini bukan sahaja kelihatan pada pergerakan pencuti antara bandar dengan bandar tetapi juga pergerakan pencuti dalam bandar. Ng & Tate (1989: 118) mencatatkan kebanyakan orang Eropah yang melawat Georgetown berasal dari Utara Malaysia. Para pelawat bersiar-siar mengelilingi Georgetown lazimnya dibawa dengan lanca ke sekitar Jalan Campbell, salah satu kawasan tumpuan utama (Biliankin 1932). Secara reruang, aktiviti ini lebih ketara di negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia berbanding kawasan lain. Singapura, selain muncul sebagai pusat pelabuhan bebas cukai, merupakan destinasi tumpuan, diikuti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Pola ini berkait rapat dengan pembangunan infrastruktur, tarikan kebudayaan dan aktiviti membeli-belah. Sama ada di bawah pemerintahan British atau ketika negara ini baru merdeka, banyak infrastruktur dan kemudahan bandar menjadi sebahagian daripada

tarikan pelancong. Antaranya bangunan, padang permainan, padang umum, muzium dan tugu Robinson (1913: 7). Pola ini turut melibatkan aktiviti membeli-belah. Gedung milik John Little dibuka pada 1913, telah menjadi salah satu tarikan pengunjung dan pelancong bandar, terutama sekali di kalangan wanita Inggeris (Butcher 1979: 85). Berdasarkan catatan di atas, jelas aktiviti percutian famili menggunakan pelbagai kemudahan dan infrastruktur bandar, justeru memperkukuhkan pola percutian bandar.

POLA PERCUTIAN ANJURAN PEMERINTAH

Satu lagi pola utama ketika itu ialah pola percutian anjuran pihak pemerintah. Pola ini berkait langsung dengan penganjuran aktiviti rekreasi, sukan dan temasya di peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan. Pertandingan bola dan pertandingan kuda adalah di antara tarikan utama (Wilkinson 1925). Meskipun sesetengah aktiviti dianjurkan di kelab-kelab kepunyaan kolonial yang jelas terasing daripada orang awam, penganjuran aktiviti pada orang awam dengan sendirinya menafikan wujudnya sekatan ruang rekreasi harian di kalangan penduduk (Roff 1961). Penganjuran aktiviti ini mendapat sambutan yang memberangsangkan sehingga ia dikenali sebagai *the big party* (Gullick 1994).

Berdasarkan analisis ini, amalan percutian famili era British, berbeza-beza dan terpisah-pisah mengikut kedudukan sosio-ekonomi, budaya, pekerjaan dan petempatan. Dengan sistem ekonomi, politik dan pekerjaan lebih bergantung kepada tenaga kerja lelaki, kegiatan senggang juga lebih banyak menyebelahi keperluan mereka. Perkara ini seolah-olah menyamai apa yang berlaku dalam institusi famili di Barat. Namun dengan sebahagian besar famili di negara ini terdiri daripada peribumi, Melayu dan etnik lain yang ciri dan strukturnya berbeza daripada famili Barat, maka perbezaan pola percutian famili tidak dapat dielakkan. Dalam kalangan penggiatnya, terbentuk pola percutian iaitu sebahagian kecil mengamalkan percutian berorientasikan amalan famili British sementara sebahagian besar lagi membentuk pola beracukan keperluan masyarakat tempatan.

ERA 1957 HINGGA 1960-AN: KESINAMBUNGAN PERCUTIAN ERA BRITISH DAN BERMULANYA 'BALIK KAMPUNG'

Dalam suasana negara yang masih mundur selepas dijajah British, aktiviti percutian famili era ini masih terbatas. Namun, dengan kebanyakan budaya kolonial terus menjadi ikutan penduduk, aktiviti percutian beracukan gaya famili British tidak lenyap begitu sahaja. Aktiviti ini diteruskan oleh segelintir famili aristokrat dan golongan sivil. Dalam masa yang sama, aktiviti yang menepati masa senggang famili tempatan mulai terserlah.

Ketika itu, pola perjalanan masih terhad, malah tidak diungkapkan sebagai aktiviti percutian famili ataupun sekurang-kurangnya pelancongan domestik. Melalui konsep setempat 'makan angin', 'jauh perjalanan banyak pengalaman' dan 'merantau' yang sebatian dengan kehidupan orang Melayu ketika itu, aktiviti ini berlaku dalam kedua-dua sistem sosial famili asas dan jaringan kekeluargaan yang luas. Perjalanan singkat 'balik hari' pada cuti hujung minggu dan musim perayaan tertumpu ke kawasan rekreasi dan taman-taman awam (Gullick 1994). Sebagaimana aktiviti percutian tidak dianggap sebagai aktiviti pelancongan apalagi menjadi komponen dalam pembangunan ketika era kolonial, aktiviti pada tahap kedua ini mengalami situasi yang sama. Pada tahun 1950-an, meskipun pihak pemerintah negara-negara sedang membangun digesa mendapat khidmat nasihat antarabangsa dalam merancang pembangunan, sektor pelancongan belum diutamakan. Aktiviti pelancongan tidak dianggap sebagai aktiviti setempat, sebaliknya suatu aktiviti 'asing' yang diperkenalkan pihak penjajah atau kapitalis. Sehubungan itu, dari segi institusi, aktiviti percutian masih wujud dalam lingkungan sosial sesebuah famili, sama seperti era British. Pun begitu, aktiviti ini menampakkan pengasingan mengikut kaum, selaras amalan yang disemai seawal era penjajahan lagi.

Seperti aktiviti pelancongan sering tertakluk kepada faktor antarabangsa, aktiviti percutian famili di negara ini adalah tidak terkecuali. Ketika itu, aktiviti *backpackers* sedang mendominasi aktiviti pelancongan di negara sedang membangun atau negara dunia ketiga (Jenkins 1978; 1979, Jenkins & Henry 1982; Amran 1997). Pelancong rata-ratanya selekeh, amat berjimat dalam perbelanjaan dan tidak bersama anggota keluarga. Sekitar 1960-an, mereka memenuhi hampir sebahagian besar kawasan pelancongan. Bagi pencuti famili, meskipun amalan 'backpackers' tidak disenangi, pengaruh mereka dalam aktiviti perkelahan secara balik hari agak ketara. Ini berlaku terutama dalam amalan 'berkhemah sementara' selama sehari dua di destinasi ataupun menginap di chalet-chalet milik tempatan. Sedikit demi sedikit ruang *backpackers* ini diambil alih aktiviti percutian massa dan keadaan inilah yang mewarnai Cherating, Pulau Pinang dan Langkawi (Amran 1997). Sekali imbas ini menggambarkan pengasingan pencuti domestik dengan antarabangsa dan pengasingan sesama pencuti domestik dapat dihapuskan.

SIAPA PENGGIATNYA:
DARI 'FAMILI ARISTOKRAT' KEPADA
'FAMILI BALIK KAMPUNG'

Jika fasa pertama menonjolkan segelintir famili yang menjadi pengamal gaya hidup barat, siapa 'pencuti famili' selepas merdeka hingga akhir 1960-an tidak terkecuali daripada mempamerkan gaya hidup ini.

Umumnya percutian masih cara lama, seperti lazimnya era kolonial. Pada era ini empat kumpulan atau segmen famili terserlah seperti ditunjukkan dalam Rajah 2 dan Jadual 3.

Satu ciri penting famili ketika ini ialah kecenderungan mereka mendiami petempatan mengikut ras, agama dan pekerjaan. Penduduk Melayu bertumpu di Kampung Baru sementara kaum India di Brickfields dan Cina di kawasan Pudu dan Petaling (McGee 1967). Secara langsung situasi ini turut mempengaruhi aktiviti lain, termasuk aktiviti melawat saudara-mara dan bersiar-siar. Sebagai penduduk majoriti, famili Melayu merupakan pengamal balik kampung yang dominan, bergerak kebanyakannya dari bandar ke desa. Hal ini berkait rapat dengan anggapan terhadap tempat asal mereka iaitu desa ataupun luar bandar. Sebahagian besar menyifatkan penghijrahan ke bandar hanyalah 'sementara', iaitu untuk bekerja atau mencari rezeki sementara 'balik kampung' atau kunjungan ke kawasan 'asal' adalah pelengkap kitaran 'merantau' (Abdul Samad Hadi 1981).

Bagi pekerja sektor awam, perjalanan untuk melawat kaum keluarga dan saudara-mara di desa adalah suatu tuntutan sosial yang sering dilakukan ketika musim cuti sekolah, perayaan agama dan sambutan acara nasional (Abdul Samad Hadi 1981; Syed Husin Ali 1978; Raja Mohd. Affandi 1977). Pada masa yang sama, sebagai 'orang baru', mereka sentiasa mengambil peluang untuk mengunjungi tempat-tempat menarik di bandar. Menurut Abdul Samad Hadi (1972), sebaik sahaja tinggal di bandar, kekerapan 'perjalanan sementara untuk mencari hiburan' turut meningkat. Kegiatan ini kian bertambah apabila terdapat kunjungan keluarga dari kampung. Mereka turut mengunjungi tempat-tempat menarik sekitar Kuala Lumpur dan kawasan peranginan pantai serta tanah tinggi yang lebih jauh secara 'balik hari' bersama-sama saudara-mara (Ishak 1977; Raja Mohd. Affandi 1977).

Siapakah pula penggiat utama selain famili Melayu? Sebagai kaum yang sebahagian besarnya tinggal dan bergiat dalam ekonomi bandar, ciri-ciri 'pencuti famili' Cina dan pola mereka tidak terkecuali daripada berkait rapat dengan faktor 'bandar'. Mereka mengunjungi bandar lain bagi tujuan melawat saudara-mara dan rakan taulan. Di samping itu, faktor kesukuan turut mempengaruhi pengasingan aktiviti dan destinasi kunjungan. Kaum Cina di utara Semenanjung, Penang, Ipoh, terikat dengan *kesukuan* yang berbeza daripada mereka yang tinggal di Kuala Lumpur. Ketibaan mereka di bandar-bandar utama terutama ketika musim perayaan Tahun Baru Cina amat ketara sehingga menggalakkan lebih banyak rumah tumpangan dibina (Gullick 1994; Butcher 1979). Sementara itu tulisan tentang famili India agak sedikit, justeru sukar untuk meneliti aliran mereka.

POLA PERCUTIAN FAMILI ERA 1957 HINGGA 1960-AN

Dengan terbatasnya pembangunan pelancongan ketika itu, timbul tanda tanya apakah aktiviti ini tidak mendapat sambutan daripada famili tempatan? Daripada data spesifik kajian, beberapa pola utama sedang berkembang secara tidak disedari dalam kalangan famili massa. Pola-pola ini ialah percutian ke kawasan tarikan semula jadi, percutian mengikut jaringan bandar, percutian famili mengikut tumpuan penginapan, pelawat famili harian dan pola percutian dari bandar ke desa atau lebih dikenali sebagai balik kampung.

KESINAMBUNGAN PERCUTIAN BERASASKAN TARIKAN SEMULA JADI

Sebagaimana tarikan semula jadi (seperti pantai, bukit dan tanah tinggi) menjadi tarikan utama ketika era penjajahan, aktiviti percutian dalam era ini tidak ketinggalan mempamerkan pola berasaskan tarikan ini. Terdapat sekurang-kurangnya dua pola berorientasikan tarikan ini, iaitu pola kunjungan famili tempatan ke kawasan tarikan semula jadi yang popular sejak era kolonial dan pola kunjungan famili ke kawasan baru yang telah dan belum dimajukan oleh pihak berkuasa tempatan. Ini termasuk tarikan air terjun, pantai, pulau dan teluk. Mereka ke sana untuk tujuan berkelah, mandi-manda dan berkhemah.

Walau bagaimanapun, kawasan dan tarikan semula jadi yang dibangunkan pihak kolonial lebih terkenal dalam kalangan famili aristokrat mahupun famili massa. Mereka juga terasing daripada segi kawasan berkelah, mandi-manda dan berkhemah sama seperti era kolonial. Di kawasan baru pula, pelbagai aktiviti ditawarkan termasuk acara bermusim melihat penyus bertelur dan aktiviti mandi safar. Sekurang-kurangnya melalui aktiviti perkhemahan ataupun menginap sehari dua di premis penginapan yang dimajukan secara kecil-kecilan oleh penduduk setempat, aktiviti musiman ini terus mewarnai pola percutian famili ketika itu.

KESINAMBUNGAN PERCUTIAN BANDAR

Jika dalam era kolonial hingga 1957, pola percutian famili (terutama di kalangan famili British dan famili Cina) adalah mengikut jaringan dan sistem bandar, maka, dalam tempoh pasca-1957 sehingga 1969, pola percutian berorientasikan jaringan dan sistem perbandaran juga agak memberangsangkan. Pola ini masih bertumpu ke destinasi terpilih. Bagi penduduk bandar, pola perjalanan dari satu bandar ke bandar utama terutama ke Singapura, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang amat ketara.

Ketika itu, Kuala Lumpur turut menjadi pusat kebudayaan dan penganjuran pelbagai aktiviti. Kawasan tarikan seperti Zoo Negara, Muzium Negara, Tugu

Negara dan Taman Tasik Perdana menjadi tumpuan pengunjung (Abdul Kadir Din 1995). Tarikan membeli-belah juga kuat dan sekitar tahun 1960-an, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Chou Kit, Jalan Pudu dan Jalan Petaling menjadi tumpuan.

Pada tempoh ini, percutian ke destinasi di negeri-negeri Pantai Barat lebih tinggi daripada destinasi di negeri-negeri di Pantai Timur. Pergerakan ini bukan sahaja berkait rapat dengan ras tetapi dengan penyediaan pengangkutan awam dan tumpuan pembangunan. Menurut Ooi (1968), jalinan pengangkutan lebih banyak dibina di kawasan Pantai Barat berbanding Pantai Timur. Malah dengan kemudahan tertumpu di beberapa pintu masuk dan keluar utama negara, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang menjadi tumpuan para pencuti famili.


Pembentukan pola percutian famili juga berkait rapat dengan penginapan. Ini adalah syarat penting yang membolehkan aktiviti percutian famili dikategorikan sebagai aktiviti pelancongan domestik yakni pencutinya perlu menginap atau bermalam di destinasi atau premis penginapan sekurang-kurangnya selama 24 jam. Ketika itu, terdapat 80 buah hotel di seluruh negara. Hotel FMS dan The Empire di Kuala Lumpur, Hotel The Eastern and Oriental di Penang serta Hotel Stesyen di Ipoh mendapat sambutan yang memberangsangkan. Terdapat lebih banyak hotel di Pantai Barat Semenanjung berbanding di sebelah Pantai Timur, Sabah serta Sarawak, menjadikan percutian berasaskan penginapan agak bertumpu.

Dari segi pola penginapan antara etnik, keperluan ini lebih menonjol bagi famili Cina berbanding famili Melayu. Pergerakan ke bandar-bandar utama di Pantai Barat dan ke kawasan peranginan untuk menemui rakan dan kaum keluarga ketika musim perayaan, menuntut famili Cina menginap di hotel dan rumah tumpangan yang kebanyakannya diurus kaum sendiri (Abdul Kadir Din 1988). Sementara itu famili Melayu, tidak kira dari Pantai Timur atau Pantai Barat cenderung menginap di rumah saudara-mara. Situasi ini menegaskan wujudnya perbezaan dalam penguasaan sistem penginapan antara kaum dan kawasan, sekali gus mengukuhkan pengasingan dalam keperluan penginapan mahupun dalam keseluruhan ruang percutian.

'BALIK HARI'

Pola lawatan famili secara balik hari membentuk sebahagian penataran ruang percutian ketika itu. Pola ini berkait rapat dengan kehadiran pelawat harian. Mereka lazimnya mengunjungi destinasi berdekatan kediaman, sekurang-kurangnya dengan jarak perjalanan 50 km hingga 100 km. Mereka bukan sahaja mengunjungi tapak rekreasi dan riadah awam tetapi juga mengunjungi tapak tarikan lain, termasuk muzium, zoo dan membeli-belah.

Selain itu, pola ini mempamerkan tumpuan destinasi yang berbeza dan terpisah antara etnik. Ini



RAJAH 2. Penggiat Percutian Famili Era Merdeka hingga Tahun 1969

JADUAL 3. Pola Percutian Era Selepas Merdeka hingga 1969

Pola Utama	Siapa Pencuti	Jenis Famili	Motif	Aktiviti	Belanja	Pengangkutan	Jangka-masa & tempoh kunjungan	Jarak	Promosi	Insentif	Destinasi/ Ruang utama
Pola Percutian Tarikan Semula Jadi	Semua famili	Famili asas dan campuran	Berkelah, Senggang	Pelbagai	Kecil dan makanan dibawa	Awam dan sendiri	Singkat; hujung minggu & musim cuti	Dekat, kediaman bandar & luar bandar	Hampir tiada secara tempatan	kawasan rekreasi awam	Jarak dekat jauh relatif tempat tinggal.
Pola Percutian Mengikut Bandar	Famili bandar, pelbagai ras.	Famili, sahabat handai	Melawat saudara-mara mengunjungi bandar	Pelbagai; multi destinasi	Sedikit & banyak ikut sosio-ekonomi famili.	Awam, gabungan mod awam & sendiri	Musim cuti, acara dan program keramaian awam	Dekat, bandar ke bandar, dalam bandar.	Belum ketara sebagai pelancongan	Kemudahan asas dan tarikan	Destinasi ada penginapan; tumpuan pusat bandar
Pola Balik Hari	Semua famili	Famili asas, luasan & rombongan/persendirian/	Bergembira, penonton acara	Aktiviti bebas, pertunjukan dan pentas terbuka	Sederhana	Awam dan gabungan mod	Musim perayaan dan hujung minggu	Dekat dan sederhana jauh daripada origin/tempat asal	'Word of mouth' hebahan media, radio	Kemudahan awam dan tarikan	Destinasi pelbagai, bandar, desa dan aset semula jadi
Pola Balik Kampung	Semua famili bandar	Keluarga asas dan luasan	Keluarga dan sahabat handai	Aktiviti diadun motif sosial & ekonomi	Ikut motif	Awam, kereta api; kereta persendirian	Sepanjang tahun, terutama musim perayaan, cuti sekolah	Tiada	Tiada	Kawasan luar bandar	Desa dan kawasan tidak dimajukan dengan pelancongan
Pola Percutian Famili Kelas Menengah Bandar	Famili kelas menengah bandar	Keluarga asas	Keakraban famili dan istirehat.	Riadah; istirehat di destinasi terpilih	Ikut tarikan, hotel dan lawatan.	Awam dan persendirian	Cuti sekolah dan cuti awam	Variasi, dekat/jauh, jangkau destinasi luar negara	Media massa, filem dll.	kawasan peranginan	Pelbagai, luar bandar, bandar, negara luar.

sebenarnya berkait rapat dengan corak petempatan bandar yang semakin padat dan pengasingan petempatan mengikut kaum menjadi sebahagian ciri penting sistem perbandaran. Petempatan famili Melayu di Kuala Lumpur bertumpu di Kampung Baru, kawasan tanah rezab Melayu (McGee 1967; Raja Mohd. Affandi 1977). Penduduk Cina pula bertumpu di beberapa kawasan utama di sekitar Pudu dan Petaling sementara kaum India bertumpu di kawasan Brickfields (Ishak 1977). Bagi kaum Cina, walaupun turut mengunjungi taman-taman awam, mereka lebih gemar membentuk ruang hiburan, kelab riadah dan kelab sosial di kawasan tumpuan penduduk mengikut suku masing-masing (Bird 1967; Butcher 1979; Yap 2001). Di Kuala Lumpur, Pudu dan Lebu Petaling menjadi tumpuan aktiviti ini (Ishak 1977). Aktiviti riadah dan permainan tradisi menjadi sebahagian daripada aktiviti utama mereka.

Sementara itu, famili Melayu tidak ketinggalan mengunjungi kawasan rekreasi awam yang dibangunkan di bandar, antaranya Lake Garden dan Tasik Titiwangsa. Mereka turut mengunjungi tarikan lain di Kuala Lumpur, terutama sekali Tugu Negara, Muzium dan Zoo Negara (Mohd Taib Osman & Wan Kadir 1987; Abdul Kadir Din 1995). Di negeri lain, Pulau Pinang umpamanya 'enklaf kolonial' dan taman awam Botanical Garden menjadi tumpuan pada hujung minggu. Secara keseluruhannya, dengan kehidupan harian berbeza antara kaum, sudah tentu keperluan rekreasi secara balik hari antara kaum juga menuntut persekitaran yang berbeza.

BERMULANYA 'BALIK KAMPUNG'

Balik kampung adalah satu lagi pola percutian era ini. Siapakah penggiatnya dan apakah arah alirannya? Jika famili Cina mempamerkan pola percutian dari bandar ke bandar, pola balik kampung famili Melayu ketika ini ialah dari bandar ke desa.

Bagi famili yang tinggal di bandar, atas dasar jaringan sosial desa-bandar yang utuh ikatannya, bandar disifatkan sebagai 'kawasan sementara' dan kampung pula satu 'kawasan kekal' (McGee 1967). Dalam kebanyakan masa terluang dan cuti rehat, mereka mengunjungi kawasan asal dan ini menjadikan aktiviti balik kampung semakin dominan. Malah, dengan hanya terdedah kepada kehidupan penduduk yang sebudaya sahaja, kunjungan tertumpu ke kawasan yang majoritinya pendukung budaya yang sama.

Pola ini semakin bertambah mengikut musim. Salah satunya ialah ketika hari raya Aidil-Fitri dan Aidil-Adha. Sekitar 1960-an, aktiviti balik kampung sempena perayaan Aidil-Adha bagi keluarga dari Pantai Timur, Kelantan dan Terengganu, lebih ketara berbanding atas keperluan perayaan Aidil-Fitri (Mohd Taib Osman & Wan Abdul Kadir 1987). Tarikan utama untuk mengunjungi kawasan asal antara lainnya atas motif sosial dan agama, termasuklah majlis berkorban,

kenduri kahwin dan majlis kesyukuran. Melalui penganjuran aktiviti sebegini, mereka sebenarnya membentuk satu pertemuan famili besar.

Pola 'balik kampung' juga berkait rapat dengan bentuk penghijrahan famili ke bandar, khususnya perpindahan tunggal. Oleh kerana sebahagian besar penduduk Melayu bandar bekerja di sektor awam, percutian mereka juga terikat kepada sistem pengeluaran ini. Hanya dalam tempoh dan masa tertentu sahaja mereka berupaya mengunjungi kawasan asal atau desa. Pola ini turut menggabungkan tuntutan sosial, waktu rehat dan senggang yang ada dalam sistem pekerjaan formal bandar. Secara keseluruhannya, aktiviti percutian famili dalam tempoh kedua ini hampir menyamai aktiviti era sebelum ini.

KESIMPULAN

Kajian ini memaparkan aktiviti percutian famili dalam tempoh 1880-an hingga akhir 1960an, terutama siapa penggiat utama, pola-pola utamanya dan faktor-faktor yang mendasari amalan ini. Analisis ini jelas menunjukkan aktiviti percutian famili bukan satu fenomena pelancongan yang baru, sebaliknya telah lama dilakukan sama ada secara sedar atau tidak sedar. Aktiviti ini secara evolusinya berubah daripada hanya merupakan satu aktiviti senggang famili kepada suatu aktiviti pelancongan yang kompleks. Pada mulanya, aktiviti ini terhad kepada segelintir famili elit sahaja, namun kini sebahagian besar famili massa berpeluang melakukannya dan menatarkan pelbagai pola. Perkembangannya lebih ketara apabila sektor pelancongan domestik diberi penekanan. Selepas DEB hingga kini, aktiviti ini disifatkan sebagai satu 'projek negara' yang mampu mempelbagaikan faedah kepada semua pihak berkepentingan, termasuk membentuk famili bahagia.

Namun, kajian ini telah mengesan akan kewujudan pola pengasingan dalam percutian famili, terbentuk melalui siapa pencutinya, apa pola dan ruang percutiannya. Ini bermakna meskipun kepelbagaian pola meningkat, terdapat ruang percutian yang semakin mahal, eksklusif dan terbatas terutama sekali bagi percutian famili kelas menengah, percutian tajaan kelab riadah dan kongsi-masa. Sementara itu, percutian famili massa dan 'balik kampung' masih kekal menjadi prioriti perjalanan. Kesemua keadaan ini memperkukuhkan lagi cirian pengasingan antara pencutinya.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada Tesis Ph.D pengkaji dan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penyelia dalam memberikan komentar kepada penulisan bab dalam tesis ini dan Universiti Kebangsaan Malaysia dari segi sokongan kewangan dan pengajian.

RUJUKAN

- Abdul Kadir Din. 1995. Industri pelancongan. Dlm. *Titian Warna Sejarah Pembangunan dan Perubahan Citra Kuala Lumpur* disunting oleh, Hairi Abdullah, 139-152. Kuala Lumpur: Penerbitan Sejarah.
- Abdul Samad Hadi. 1981. Population mobility in Peninsular Malaysia: evidence from three villages in Kuala Pilah. Negeri Sembilan. Tesis Ph.D. The Flinders University of South Australia, Adelaide.
- Bargemann, B. & Hugo, van der Poel. 2006. The role of routines in the vacation decision-making process of Dutch vacationers. *Tourism Management* 27: 707-720.
- Bird, I. L. 1967. *The Golden Chersonese: Travels in Malaya in 1879*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Bo Hu & Morrison, A. 2002. Tripography: Can destination use pattern enhance understanding of the VFR market? *Journal of Vacation Marketing* 8(3): 201-220.
- Butcher, J.G. 1979. *The British in Malaya. 1880-1941. The Social History of a European Community in Colonial South East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Consenza, R. M. & Davis, D. L. 1981. Family vacation decision making over the family life cycle: a decision and influence structure analysis. *Journal of Travel Research* 20(2): 17-23.
- Crompton, J. 1979. Motivation for pleasure vacation. *Annals of Tourism Research* 6: 408-424.
- Decrop & Snelders. 2005. A grounded typology on vacation decision making. *Tourism Management* 26(2): 121-132.
- Isabella, L. B. 1883. *Sketches in the Malay Peninsula*. The Leisure Hour.
- Ishak Darus 1977. Perkembangan perusahaan pelancongan di Selangor tahun 1961-70: Kes studi di Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gilbert, D. & Junaida Abdullah. 2002. A study of the impact of the expectation of a holiday on individual's sense of well being. *Journal of Vacation Marketing* 8(3): 352-361.
- Gilbert, D. & Junaida Abdullah. 2004. Holidaytaking and the sense of well-being. *Annals of Tourism Research* 31: 103-121.
- Gullick, J. M. 1994. *Old Kuala Lumpur*. Oxford: Oxford University Press.
- Habibah Ahmad. 2007. Percutian Famili Melayu Bandar. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jansen-Verbeke 1995; Jansen-Verbeke, M. 1995. A regional analysis of tourist flows within Europe. *Tourism Management* 16(1): 73-82.
- Jenkins, R. L. 1979. The influence of children in family decision-making: parents' perceptions. *Advances in Consumer Research* 6: 413-418.
- Jenkins, R. L. & Henry, B. M. 1982. Government involvement in tourism in developing countries. *Annals of Tourism Research* 9(4): 499-519.
- Jenkins, R. L. 1978. Family vacation decision making. *Journal of Travel Research* 16: 2-7.
- Jie Wen. 1998. Evaluation of tourism and tourist resources in China- existing methods and their limitations. *International Journal of Social Economics* 25(2): 467-485.
- Lim Heng Kow. 1978. *The evolution of the urban system in Malaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- McGee, T. G. 1967. *The South East Asian City*. London: Bell.
- Mohd Taib Osman & Wan Abdul Kadir Yusoff, sunt. 1987. *Kajian Budaya dan Masyarakat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moscardo, P.G, Morrison, P.A., Green, D. & O'Leary, J.T. 2000. Developing a typology for understanding visiting friends and relatives markets. *Journal of Travel Research* 38(2): 251-259.
- Murphy, P.E. & Staples, W.A. 1979. A modernized family life cycle. *Journal of Consumer Research* 5: 12-22.
- Nichols, C.M. & Snepenger, D.J. 1988. Family decision making and tourism behavior and attitudes. *Journal of Travel Research* 26.4: 2-6.
- Ng, D. M. & Tate, M.D.J. 1989. *Malaya - Gaya Hidup antara 1900- 1930*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhn.
- Ooi Jin Bee. 1968. Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Purcell, V. 1946. *Malaya. Outline of a Colony*. UK: Thomas & Sons Ltd.
- Raja Mohd. Affandi 1977. *Perbandaran dan orang Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia (M) Berhad.
- Reed, R. 1979. The colonial genesis of hill stations: the Genting exception. *Geographical Review* 69: 463-468.
- Robequin, C. 1964. *Malaya, Indonesia, Borneo and Philippines*. London: Longmans.
- Roff, W. R. 1961. Kaum muda-kaum tua innovation and reaction amongst the Malays, 1900-1941. Dlm. *Papers on Malayan History*, disunting oleh Tregonning, K.G. Singapore.
- Seaton, A. V. & Tagg, S. 1995. Disaggregating friends and relatives in VFR tourism Research. The Northern Ireland evidence 1991-1993. *Journal of Tourism Studies* 6(1): 6-18
- Seaton, A.V. & Palmer, C. 1997. Understanding VFR tourism behaviour: the first five years of the United Kingdom tourism survey. *Tourism Management* 18(6): 345-355
- Soo K.Kanga & Hsu, C.H.C. 2005. Dyadic consensus on family vacation destination selection *Tourism Management* 26: 571-582.
- Swettenham, F. 1966. *British Malaya*. London: Allen &

- Unwin.
- Syed Husin Ali 1978; Syed Husin Ali. 1979. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Adabi Sdn. Bhd.
- Vasiliadis & Kobotis 1999; Vasiliadis, C.A. & Kobotis, A. 1999. Spatial analysis – an application of nearest-neighbour analysis to tourism locations in Macedonia. *Tourism Management* 20: 141-148.
- Wang Kuo-Ching, An-Tien Hsieh, Yi-Chun Yeh & Chien-Wen Tsai. 2004. Who is the decision-maker: the parents or the child in group package tours? *Tourism Management* 25(2): 183-194.
- Wells, W. & Gubar, G. 1966. Life cycle concept in marketing research. *Journal of Marketing Research* 3: 355-363.
- Wilkinson, R.J. 1925. *Life and Customs part III, Malay Amusement*. Kuala Lumpur Government Press.
- Yap Chee Leong. 2001. Status sosioekonomi dan sumbangan wanita bekerja kepada pembangunan keluarga: Kajian kes di Bandar Baru Bangi. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Habibah Ahmad, Ph. D
Hamzah Jusoh, Ph. D
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: ha@ukm.my
hj@ukm.my